



**RABU, 1 DISEMBER 2021
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PERASMIAN KOMPLEKS PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA
KUALA LUMPUR BAHARU YANG DISEMPURNAKAN OLEH
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB, PERDANA MENTERI**

PUTRAJAYA – Tarikh 1 Disember 2021 memahat satu peristiwa bersejarah buat industri penerbangan negara apabila Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merasmikan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) baharu di Sepang, Selangor. Detik penting itu disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri dan turut dihadiri YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan.

Pembinaan KLATCC baharu ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CAAM untuk menyeragam dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dalam rekabentuk ruang udara Semenanjung Malaysia atau termanya, *Kuala Lumpur Flight Information Region* (KL FIR). Dengan pelaksanaan struktur baharu KL FIR ini, ia membolehkan lebih banyak pesawat mendarat pada waktu puncak atau slot premium dan meningkatkan jumlah pendaratan di KLIA dari 78 pesawat kepada 108 pesawat sejam. Jumlah ini merupakan antara yang tertinggi di dunia.

Selain itu, perubahan rekabentuk ruang udara dari enam sektor kepada 14 sektor telah membolehkan lebih banyak pergerakan pesawat dalam masa sejam dengan memanfaatkan sepenuhnya ketiga-tiga landasan yang terdapat di KLIA secara serentak.

“Pengoperasian KL ATCC, KLIA ini adalah tepat pada waktunya, iaitu ketika negara sedang mengambil tindakan untuk memulihkan ekonomi negara. Besar harapan saya agar pembukaan sempadan negara kelak akan merancakkan lagi sektor penerbangan

awam, yang secara langsung akan memberikan kesan positif hasil limpahan kepada ekonomi negara,” ujar YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dalam ucapan perasmian beliau pada majlis tersebut.

Direka dengan inspirasi layang-layang tradisional atau wau dan diselitkan dengan sentuhan moden, KLATCC baharu ini merupakan penanda aras penting bagi industri penerbangan awam negara. Pembangunan mercu tanda sektor penerbangan ini melibatkan pembinaan kompleks tiga tingkat dilengkapi sistem komunikasi, navigasi, pengawasan dan pengurusan trafik udara (CNS/ATM).

Kemudahan serba moden ini turut menempatkan pusat operasi trafik udara KL FIR, yang merupakan tulang belakang kepada fungsi kawalan trafik udara negara dan Pusat Koordinasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Aeronautik. Pentauliahahan COSPAS-SARSAT turut membantu meningkatkan keupayaan SAR CAAM dalam lingkungan KL FIR dan Kota Kinabalu FIR (KK FIR).

Adalah menjadi salah satu misi CAAM untuk menaik taraf dan memodenkan perkhidmatan trafik udara Malaysia dengan KLATCC baharu ini yang berupaya untuk menyediakan pengurusan trafik udara yang lebih cekap dan lancar. Ia seterusnya mampu menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dalam industri penerbangan dengan meningkatkan ketersediaan dan kesinambungan industri pengangkutan udara di negara ini.

KAPTEN CHESTER VOO

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan kenyataan media ini, sila hubungi Puan Anis Rahim di anis@caam.gov.my